



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 22 /2022**

**JAUHI MAKANAN YANG HARAM,  
ELAKKAN MAKANAN YANG SYUBHAH**

**03 Zulkaedah 1443 H**

*Bersamaan*

**04 Jun 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا أَنْ نَأْكُلَ طَعَامًا حَلَالًا طَيِّبًا،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita sama-sama melahirkan keazaman yang sungguh-sungguh untuk menjadi orang yang bertakwa kepada Allah SWT. Semoga kita selamat dunia dan akhirat. Mimbar hari ini mengajak sidang hadirin untuk menghayati khutbah yang bertajuk :

### **Jauhi Makanan Yang Haram, Elakkan Makanan Yang Syubhah**

#### **Sidang Jemaah yang diberkati Allah SWT,**

Makanan yang halal ialah makanan yang zatnya halal dan diperolehi daripada sumber yang halal. Manakala makanan yang haram ialah makanan yang zatnya haram atau halal yang diperolehi melalui sumber yang haram. Makanan yang halal dan suci serta mengikut sunnah bukan saja menambahkan cahaya iman dalam diri malah ianya juga mendorong membina kesihatan zahir dan batin. Makanan yang haram pula boleh menggelapkan hati, menyebabkan hidup yang tidak berkat dan

juga dimurkai Allah SWT. Mengenai suruhan ini Allah SWT menjelaskan dengan firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 168 :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

**Maksudnya:** “Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”

Baginda SAW juga bersabda :

كُلُّ خَمٍ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ

**Maksudnya:** Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, nerakalah yang lebih layak untuknya.

( Riwayat Imam Tirmizi)

Sepanjang kehidupan Baginda SAW, Baginda sangat menitik beratkan perkara yang halal dan haram dalam pemakanan. Sebagaimana yang dimaklumi, Baginda dan ahli keluarga tidak dibenarkan secara khusus oleh Allah SWT menerima sedekah dan zakat sehinggakan Baginda sanggup mengeluarkan semula kurma yang dimakan oleh cucunya kerana dibimbangi kurma tersebut adalah daripada harta zakat.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Antara makanan haram yang patut dijauhi adalah hasil daripada amalan yang tidak diizinkan syarak seperti rasuah, perbuatan memberi, meminta, atau menerima suapan, dan lain-lain lagi. Mengenai perkara ini Rasulullah SAW menegaskan dengan sabdanya :

**الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي فِي النَّارِ**

**Maksudnya:** Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan di masukkan ke dalam api neraka.

( Riwayat Imam at-Thobarani)

Sabda Nabi SAW lagi yang bermaksud :

“Pasti akan tiba kepada manusia zaman yang seseorang itu tidak menghiraukan dengan jalan apa yang dia mendapat harta, adakah dari halal atau haram”.

(Hadis riwayat al Bukhari)

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Manakala syubhah pula adalah kesamaran antara halal atau haram, benar atau salah. Mengenai perkara ini Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan daripada Numan bin Bashir r.a yang bermaksud :

“Sesungguhnya halal itu adalah jelas, haram juga adalah jelas dan di antara keduanya adalah kesamaran yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Sesiapa yang menjaga daripada melakukan sesuatu yang syubhah, agama dan maruahnyanya terjaga. Sesiapa yang menjadi kebiasaannya melakukan perkara yang syubhah, mendorongnya melakukan sesuatu yang haram dengan mudah, seperti pengembala memelihara ternakannya di batas sempadan, hampirlah ia memakan tanaman orang lain”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Menurut Imam Ibn Munzir, di antara maksud makanan yang syubhah ialah :

- i. Suatu perkara yang sudah diketahui haram tetapi selepas itu timbul syak tentang halalnya, adakah menjadi halal atau tidak? Seperti dua ekor ayam yang salah satunya disembelih oleh orang kafir dan tidak dapat dipastikan yang mana satu, hukumnya tidak boleh memakan ayam tersebut.
- ii. Suatu perkara yang mana halal dan haramnya pada tahap yang sama iaitu tidak dapat dipastikan mana yang lebih kuat. Pada tahap ini adalah lebih baik ditinggalkan perkara tersebut kerana menjaga agama. Perkara ini pernah terjadi apabila Baginda SAW balik ke rumah didapati ada sebiji buah kurma, apabila diambil Baginda SAW teringat kemungkinan kurma itu dari harta zakat lantas Baginda SAW tidak memakannya. (Hadis riwayat al Bukhari dan Muslim)

Jelas daripada hadis di atas Baginda SAW tidak memakannya kerana ada kesamaran antara halal dan haram iaitu halal (mungkin kurma milik Baginda) atau kurma zakat (haram dimakan oleh Baginda). Justeru sikap Baginda SAW yang berhati-hati memilih makanan yang akan dimakannya yang sekaligus mengajar umat supaya mengamalkan peraturan yang sama apabila membeli, memilih atau memakan sesuatu.

### **Sidang Jumaat yang dimulikan,**

Dalam masyarakat hari ini, menurut para ulama, memakan makanan yang status kehalalannya diragui adalah dikira syubhah. Sebagai seorang Muslim, hendaklah memastikan makanan yang akan dimakan adalah berstatus halal seperti makanan yang ada terdapat padanya logo halal yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti. Para Ulama juga menjelaskan hukum memakan makanan yang tidak halal adalah haram dan berdosa, kecuali dalam keadaan dhorurat. Demi menjaga agama, keturunan dan keberkatan hidup jangan sekali-kali memakan makanan yang haram dan cubalah hindari semampu yang boleh daripada memakan makanan

yang ada unsur syubhah, insya-Allah agama akan lebih terjaga, hidup akan lebih sejahtera.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

**Maksudnya:** Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah, ayat 188)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.  
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, kurniakan kami agar cintakan keimanan. Jadikanlah ia perhiasan hati kami. Pahatkanlah dalam diri kami, rasa benci kepada kekufuran, kefasikan, dan kemaksiatan. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang mendapat petunjuk. Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakan kami dapat mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan, dan kurniakan kami untuk menjauhinya. Janganlah Engkau jadikan kami terkeliru, menyebabkan kami menyimpang dari kebenaran. Jadikanlah kami terus kekal istiqamah atas kebenaran.

Ya Allah, pertautkanlah hati-hati kami. Baikilah hubungan sesama kami. Tunjukkanlah kami jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.